

KESAN ERA PASCANORMAL TERHADAP AKIDAH KETUHANAN UMAT ISLAM

THE IMPACT OF THE POST-NORMAL ERA ON MUSLIM BELIEF IN DIVINITY

Shakila Ahmad*

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Abdul Basit

Universitas Islam Negeri Prof. K.H. Saifuddin Zuhri (UIN Saizu)
Jl. Ahmad Dahlan No. 30, Karanganjing, Purwanegara,
Kec. Purwokerto Utara, Kabupaten Banyumas,
Jawa Tengah 53127, Indonesia.

Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Nurhajar Nafi'ah Zuber

Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
No. 26, Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: shakila@uthm.edu.my

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ahmad, S., Abdul Basit, Syed Abu Bakar, S. K. & Zuber, N. N. (2025). Kesan Era Pascanormal Terhadap Akidah Ketuhanan Umat Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 328-339.

ABSTRAK

Era Pascanormal merujuk kepada suatu tempoh perubahan yang ditandai dengan kemelut 3C iaitu *chaos* (keberantakan), *complexity* (kerumitan) dan *contradiction* (pertentangan). Kemelut tersebut menimbulkan ketidakpastian serta ketidakstabilan yang menjadi cabaran baharu dalam kehidupan manusia mencakupi aspek sosial, ekonomi dan politik. Perubahan ini turut memberi kesan yang besar terhadap lanskap pemikiran manusia termasuk kefahaman terhadap agama dan ketuhanan.

Justeru artikel ini akan membincangkan kesan perubahan era pascanormal ini terhadap akidah umat Islam khususnya yang berhubung dengan akidah ketuhanan iaitu keimanan terhadap Allah SWT. Pendekatan kualitatif digunakan dengan menganalisa dokumen dari pelbagai sumber seperti buku, jurnal, artikel dan sebagainya. Hasil dari penelitian yang dilakukan mendapatkan era pascanormal memberi kesan dan membawa cabaran baru terhadap aliran pemikiran ketuhanan dan membuka laluan penyebaran fahaman sesat seperti kemunculan agnostisisme kesan dari relativisme, pluralisme dan liberalisme. Bagaimanapun dalam masa yang sama era pascanormal yang diwarnai oleh kepesatan perkembangan teknologi maklumat turut memberi peluang besar untuk penyebaran akidah Islam melalui pelbagai media digital. Keperluan kepada pengurusan akidah yang strategik yang dimainkan oleh institusi agama diharapkan dapat menangani kesan negatif era pascanormal terhadap akidah umat Islam.

Kata kunci: pascanormal, akidah, relativisme, agnotisisme, teknologi dan fahaman sesat

ABSTRACT

The Post-Normal Era refers to a period of change marked by the turmoil of three key elements: chaos, complexity, and contradiction. This turmoil creates uncertainty and instability, posing new challenges in human life, covering social, economic, and political aspects. These changes also have a significant impact on the landscape of human thought, including the understanding of religion and divinity. Therefore, this article aims to discuss the effects of the changes in the post-normal era on the faith of Muslims, particularly in relation to the belief in divinity and faith in Allah SWT. A qualitative approach is used in this study, analyzing documents from various sources such as books, journals, articles, and so on. The findings reveal that the post-normal era has a significant impact and brings new challenges to theological thinking, opening the door to the spread of heretical beliefs, such as the emergence of agnosticism influenced by relativism, pluralism, and liberalism. However, at the same time, the post-normal era, marked by rapid advancements in information technology, also offers great opportunities for the spread of Islamic faith through various digital platforms. Therefore, strategic management of faith by religious institutions is crucial in addressing the negative effects of the post-normal era on the faith of Muslims.

Keywords: post-normal era, faith, relativism, agnosticism, technology, and heretical beliefs

1.0 PENGENALAN

Kita hari ini hidup dalam keadaan dan transisi zaman yang penuh dengan ketidakpastian yang sukar diduga. Ledakan kemajuan teknologi terutamanya teknologi maklumat telah membawa perubahan yang amat ketara sehingga menjadikan semua perkara bergerak pantas, serentak, luas dan menyeluruh.

Menurut Hisyam Basabah (2023), zaman ini dinamakan sebagai Era pascanormal atau dalam bahasa Inggeris sebagai *Post Normal Times* manakala dalam bahasa Arab pula disebut sebagai *al-Fikrul Mustaqbaliyi*. Era pascanormal ini juga dikenali sebagai pasca kebenaran atau pasca moderniti di mana fasa dunia mengalami perubahan ketara dan luar biasa dalam menentukan kebenaran sesuatu maklumat. Walaupun hampir kesemua perbincangan mengenai kesan era pascanormal ini lebih menjurus kepada aspek ekonomi, politik, sosial dan budaya namun melihat kepada karektor pascanormal ini maka perbincangan mengenai kesan dan cabarannya terhadap penghayatan akidah ketuhanan juga perlu diberi perhatian.

Eda Suhana, *felo* di *Center for Postnormal Policy and Future Studies*, semasa menjadi tetamu di segmen analisis radio IKIM menyatakan:

“Teknologi yang sangat pantas menjadikan kebenaran itu bersifat relatif, dimana kebenaran bergantung kepada kefahaman dan persepsi seseorang”.

Apabila kebenaran bersifat relatif, maka sudah tentu kebenaran mutlak yang menyentuh berkenaan kepercayaan ketuhanan juga akan dilihat dari sudut yang sama iaitu kebenaran Tuhan tidak mutlak tetapi boleh berubah-ubah. Perkembangan fahaman Agnostik yang menyatakan tidak tahu bagaimana cara untuk mempercayai Tuhan kerana bagi mereka kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan (MAIS, 2015), didapati memberangkan bahawa karektor era pascanormal ini turut memberi kesan terhadap kepercayaan ketuhanan umat Islam. Artikel ini bertujuan untuk meneliti bagaimana keadaan era pascanormal yang mempunyai ciri-ciri dan karektornya mempengaruhi akidah ketuhanan umat Islam. Penulisan ini mengandungi penjelasan Era pascanormal, akidah ketuhanan, aliran Agnostisme dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani isu ini dan dalam masa yang sama mengambil peluang dari kepesatan teknologi maklumat untuk memperkuatkan pegangan umat Islam terhadap konsep ketuhanan.

2.0 ERA PASCANORMAL

Para ilmuan dalam membincangkan perubahan yang berlaku terutamanya di peringkat global akan membahagikan zaman kepada beberapa tempoh masa dengan menamakkannya berdasarkan keadaan zaman tersebut seperti zaman modern atau pascamoden. Sardar, Z. (2020) menyatakan pascanormal artifak, membahagikan zaman kepada empat iaitu Klasik, Moden, Pascamoden dan Pascanormal dengan menyenaraikan beberapa artifik pascanormal yang sedang muncul. Manusia akan mendapati sesuatu yang diterima normal sebelum ini telah dianggap tidak normal lagi, malah dunia penuh dengan ketidakpastian (*uncertainty*) dan kejahanan (*ignorance*) menjadikan sukar untuk membezakan antara kebenaran dan kepalsuan.


Situasi luar biasa dan aneh ini berlaku di era pascanormal menghasilkan fenomena yang dinamakan 3C iaitu keberantakan (*chaos*), kerumitan (*complexity*) dan pertentangan (*contradiction*) (Sardar, 2020; Ibrahim, 2024; Muhammad Ikram, 2023). Kemelut ini adalah kesan dari perubahan teknologi yang dikemudi oleh 4S iaitu kelajuan (*speed*), cakupan (*scope*), skala (*scale*) dan keserentakan

(*simultaneity*) (Sardar, 2021) yang meninggalkan akibat buruk, memangsakan rakyat, merosakan ekosistem dan menggugat rantaian bekalan (Ibrahim, 2024).

Kemajuan teknologi menjadikan semua perkara sama ada yang bersifat fizikal maupun bukan bergerak pantas, luas dan serentak. Keretapi laju semakin popular digunakan di seluruh dunia yang mampu membawa penumpang ke merata pelusuk dunia. Maklumat atau berita tersebar dengan cepat, meluas secara serentak dengan hanya menekan papan kekunci komputer. Ledakan media sosial seperti tiktok, facebook, Instagram, twitter dan sebagainya membuatkan sangat sukar untuk menapis dan mengawal maklumat yang tersebar di kalangan masyarakat. Orang ramai mudah terpengaruh dan tertipu dengan pelbagai maklumat palsu yang boleh mencipta ketidakteraman dan kekeliruan dalam masyarakat. Maklumat yang disebarluaskan secara meluas dan dengan jumlah kekerapan yang tinggi akan mudah dipercayai. Ini memberarkan apa yang dinyatakan oleh seorang ahli politik German, Joseph Goebbels iaitu:

"A Lie told once remains a lie, but a lie told a thousand times becomes the true"

Dalam keadaan dunia yang sangat membuka laluan kepada kemudahan menyebarkan maklumat, suatu penipuan amat mudah diterima sebagai benar apabila iaanya disebarluaskan secara agresif, berulang-ulang dan di pelbagai media. Ringkasan fenomena, karektor dan ciri era pascanormal boleh digambarkan dalam rajah 1.



Rajah 1: Ringkasan Fenomena Era Pascanormal

Sardar, Z. (2020) menjelaskan ringkas mengenai kemelut 3C yang terhasil dari karektor yang wujud di era pascamoden.

a. Kerumitan (Complexity)

Dunia berubah sangat pantas, dalam skala yang luas, cakupan yang besar dan meluncur secara serentak mewujudkan suasana yang rumit. Kebanyakan masalah yang dihadapi berskala global. Globalisasi meningkatkan kerumitan, bukan sahaja menjadikan diri kita saling bergantung tetapi meningkatkan juga keterhubungan dengan pelbagai pihak. Kerumitan yang dihadapi sangat sukar untuk difahami dan diselesaikan. Kita tidak mempunyai ruang masa yang banyak untuk meneliti dan memeriksa sebelum mengambil tindakan (Sardar.

Z, 2010; 2020). Sebagai contoh semasa dunia dilanda covid 19, dunia menggambarkan situasi yang sangat rumit, maklumat datang dari pelbagai arah, namun kita tidak mempunyai masa yang banyak untuk membuat penelitian dan perbincangan sama ada sesuai atau tidak pengambilan vaksin pada ketika itu kerana semuanya berlaku dengan sangat pantas (Eda Suhana, t.t)

b. Keberantakan (*Cios*)

Syarat Keberantakan mestilah didahului oleh kerumitan. Disebabkan kesan dari globalisasi semua perkara yang disifatkan rumit saling berpaut dan dirangkaikan maka sekiranya ada kerosakan dimana-mana bahagian maka akan menganggu bahagian rangkaian yang lain, malah lebih buruk lagi ia boleh merosakkan keseluruhan rangkaian. (Sardar. Z, 2010; 2020) Ledakan media sosial seperti tiktok, facebook, instagram, twitter dan sebagainya membuatkan sangat sukar untuk menapis dan mengawal maklumat yang tersebar di kalangan masyarakat. Orang ramai mudah terpengaruh dan tertipu dengan pelbagai maklumat palsu yang boleh mencipta ketidakteraman dan kekeliruan dalam masyarakat. Apabila satu maklumat palsu diviralkan, maka ia akan sepantas kilat tersebar ke seluruh pelusuk dunia tanpa boleh dipertimbangkan terlebih dahulu apatah lagi untuk disekat. Pembetulan kepada fakta bukanlah satu tindakan yang mudah ia telah merosakkan kehidupan banyak pihak. Justeru penggunaan kemudahan teknologi yang melibatkan media masa hendaklah dilakukan dengan bijak, menyalurkan maklumat yang betul dengan pantas agar dapat mencetuskan suasana yang harmoni dalam rantaian yang baru. Setiap individu hendaklah bertanggungjawab dan akauntabiliti untuk kelangsungan kehidupan secara kolektif kerana individualisme boleh memcetuskan keberantakan.

c. Pertentangan (*contradiction*)

Dunia yang kompleks, rangkaian luas, dengan persaingan kepentingan dan ideologi yang tidak terkira banyaknya, reka bentuk dan keinginan, kekalutan kelakuan, semuanya boleh menimbulkan pertentangan atau percanggahan. Terdapat dua percanggahan yang perlu diberi perhatian dalam era pascanormal iaitu perubahan yang berubah dan pengetahuan yang meningkat. Perkara sentiasa berubah dan pada era pascanormal ini perubahan sangat pantas serta menjadi kebiasaan. Namun, sebahagian besar segmen di planet dan lingkungan kehidupan sosial kita adalah separastatik. Percanggahannya adalah, semakin banyak perkara berubah namun ada yang kelihatan tetap sama atau tiada perubahan. Begitulah juga dalam peningkatan ilmu yang sangat pantas, semakin meningkat dan pesat perkembangan bidang ilmu, jelas kelihatan lebih jahil daripada sebelumnya. (Sardar. Z, 2010; 2020)

Kesimpulannya, karektor era pascanormal yang diringkaskan sebagai 4S iaitu kelajuan (*speed*), skala (*scale*), cakupan (*scope*) dan keserentakan (*stilmutaneity*) telah mencetuskan kemelut yang diringkaskan sebagai 3C iaitu kerumitan (*complexity*), keberantakan (*cios*) dan pertentangan (*contradiction*). Gabungan

kemelut yang melanda jika tidak ditangani diperingkat awal akan menjadikan masyarakat yang diganggu dengan ketidakpastian dan kejahanan.

3.0 PASCANORMAL DAN KEPERCAYAAN KETUHANAN

Era pascanormal dilihat banyak memberi kesan perubahan yang ketara terhadap banyak perkara meliputi teknologi, ekonomi, politik, budaya, sistem dan lain-lain. Sardar, Z. (2020) menyenaraikan kemunculan artifak atau ciri yang unik di era postnormal terhadap lebih daripada 30 aspek dengan menunjukkan perbezaannya berbanding zaman klasik, moden dan post moden. Dalam penulisan yang membincangkan aspek kesan era pascanormal terhadap kepercayaan ketuhanan, maka hanya aritifik atau ciri unik terhadap tiga aspek sahaja yang dikemukakan iaitu:

a. **Kebenaran (*Truth*)**

Pada zaman klasik dan moden, kebenaran bersifat monolitik iaitu kebenaran diterima sebulat suara ramai dan sukar diubah. Zaman postmodern bersifat relatif dan pluralistik atau kebenaran boleh berubah-ubah mengikut persepsi masing-masing. Manakala zaman pascamoden kebenaran bersifat kontradik iaitu bercanggah atau bertentangan.

b. **Tuhan (*God*)**

Tuhan berada di mana-mana dan pada bila-bila masa merupakan pegangan di zaman klasik. Zaman moden persepsi terhadap tuhan ada dua bentuk, awal moden tuhan adalah kebenaran manakala akhir zaman moden tuhan telah mati. Masuk ke zaman pascamoden tuhan adalah mesin dan beranggapan tuhan adalah saya. Manakala zaman pascanormal pula tuhan adalah kejahanan.

c. **Agama (*Religion*)**

Pada zaman klasik agama berperanan menjelaskan tentang alam, zaman moden agama membantu kita memahami alam, zaman *postmodern* pula agama adalah dusta dan sekularisme liberal merupakan sesuatu yang baru. Manakala di zaman pascanormal, agama tidak pasti, oleh itu ia mesti terbuka kepada pelbagai tafsiran dan ia menjadi kompleks.

Tiga aspek yang dikemukakan adalah signifikan untuk dibincangkan dalam ruanglingkup penulisan ini. Agama, Tuhan dan kebenaran yang bersifat tetap dan mutlak dalam agama samawi sekiranya tidak diberi perhatian akan turut menerima kesan perubahan. Kebenaran agama diragui kerana berlaku percanggahan terhadap maklumat yang diterima. Kepantasan teknologi maklumat memberi jawapan kepada persoalan menjadikan manusia lebih selesa mengemukakan pertanyaan berkaitan agama melalui carian di internat mahupun media sosial. Sekiranya jawapan yang diperolehi bukan dari pihak yang berauthoriti maka akan mendedahkan manusia kepada ketidakpastian, kejahanan malah percanggahan.

4.0 PERBINCANGAN KESAN PASCANORMAL TERHADAP AKIDAH

Allah SWT Maha Pengasih kepada hambaNya, telah memberi gambaran keadaan akhir zaman melalui Rasulullah SAW yang sampaikan kepada umat manusia. Melalui beberapa hadis dapat difahami bahawa karektor 4S iaitu kelajuan (*speed*), skala (*scale*), cakupan (*scope*) dan keserentakan (*stilmutaneity*) yang dikemukakan oleh pengkaji telah dimaklumkan sebagai peringatan akan datangnya hari kiamat. Antaranya dari tiga hadis dibawah yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَتَقَرَّبَ الزَّمَانُ فَتَكُونُ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ، وَيَكُونُ الشَّهْرُ
كَالجُمُعَةِ، وَتَكُونُ الْجُمُعَةُ كَاليَوْمِ، وَيَكُونُ الْيَوْمُ كَالسَّاعَةِ، وَتَكُونُ السَّاعَةُ
كَالحَرَقِ السَّعْفَةِ.

Maksudnya: “*Tidak akan tiba hari kiamat hingga zaman berdekatan, setahun bagai sebulan, sebulan bagai sepekan, sepekan bagai sehari, sehari bagai sejam dan sejam bagai terbakarnya pelepah pohon kurma*”. Riwayat Imam Ahmad ibn Hanbal

Sertu Diriwayatkan oleh Anas RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ يَتَقَرَّبَ الزَّمَانُ فَتَكُونُ السَّنَةُ كَالشَّهْرِ، وَيَكُونُ الشَّهْرُ
كَالجُمُعَةِ، وَتَكُونُ الْجُمُعَةُ كَاليَوْمِ، وَيَكُونُ الْيَوْمُ كَالسَّاعَةِ، وَتَكُونُ السَّاعَةُ
كَالضَّرْمَةِ بِالنَّارِ.

Maksudnya: “*Tidak akan berlaku hari kiamat sehingga berdekatan (masa), maka adalah setahun (rasa) seperti sebulan, dan satu bulan seperti satu Jumaat (seminggu), dan satu Jumaat seperti satu hari, satu hari seperti sekali nyalaan daripada api*”. Riwayat Imam al-Tirmidhi

Diriyawatkan dari Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ تَظَهُرَ الْفَقْنُ، وَيَكُثُرُ الْكَذْبُ، وَيَتَقَرَّبُ الْأَسْوَاقُ.

Maksudnya: “*Tidak akan datang Kiamat hingga muncul berbagai fitnah, banyak kebohongan, dan berdekatannya pasar*”. Riwayat Imam Ahmad ibn Hanbal

Daripada hadis-hadis yang dikemukakan, Rasulullah SAW telah memberitahu bahawa di akhir zaman semuanya bergerak pantas, yang jauh menjadi dekat, fitnah dan kebohongan berleluasa serta aktiviti perniagaan secara global dilaksanakan dalam skala dan skop yang besar. Usamah Yusuf (2010) menyatakan perkembangan teknologi moden dan kemajuan dalam segala bidang turut memberi kesan secara langsung dalam kehidupan sehari-hari terutamanya dalam dunia maklumat, pengangkutan dan perhubungan yang mampu menghampirkan yang jauh serta memendekkan masa pergerakkan. Jaringan internet merupakan alat hubungan antarabangsa yang telah menjadikan dunia seolah-olah berada dalam sebuah bilik yang kecil.

Justeru umat Islam hari ini hendaklah mengambil iktibar dari hadis dan fenomena era pascanormal yang sedang berlaku dengan menjadikan kemajuan teknologi sebagai alat untuk mencapai matlamat kehidupan yang direhdai oleh Allah SWT. Dari sudut kesan fenomena era pascanormal yang perlu diberi perhatian adalah kesan terhadap akidah ketuhanan umat Islam. Dalam membincangkan kesan tersebut ia boleh dilihat dari dua sudut iaitu kesan positif dan kesan negatif.

a. Kesan Positif

Kewujudan internet sebagai salah satu teknologi maklumat yang paling maju dan laju. Hampir semua aspek kehidupan manusia melibatkan penggunaan internet. Oleh itu, ianya turut memberi manfaat dalam meningkat, mengembang dan menyampaikan akidah ketuhanan yang benar. Menurut Nur Shafiqah (2023), *E-dakwah* merupakan platform dakwah yang diperlukan pada masa kini kerana dakwah secara digital ini tidak memerlukan had masa dan ruang sebagaimana kaedah dakwah konvensional malah boleh mensasarkan medan geografi yang luas. Antara platform *E-dakwah* yang popular adalah Tik Tok dan Facebook. Bacaan al-Quran yang mudah diakses dalam talian oleh sesiapa sahaja turut memberi kesan positif terhadap penyebaran akidah Islam, ramai bukan Islam di barat terpengaruh dengan bacaan al-Quran. (Eda Suhada Sharudin) Islam membuka ruang yang luas untuk mempelajari akidah dengan mengikut peredaran zaman, namun hendaklah dipastikan ianya mematuhi panduan syarak. Gunakan dengan sebaiknya secara santai dan kreatif bagi memantapkan akidah umat Islam. (Nur Shafiqah, 2023).

b. Kesan Negatif

Di Era pascanormal, apabila kebenaran bersifat kontradik, tuhan merupakan suatu kejahilan dan agama ada sesuatu yang tidak pasti maka ianya akan membuka ruang kepada pembentukan dan penyebaran aliran pemikiran yang bertentangan dengan akidah Islam. Dengan kemudahan teknologi yang begitu pesat hari ini tidak nafikan kefahaman ini turut disebarluaskan melalui aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Twitter, Telegram, Instagram dan sebagainya. Aliran pemikiran moden seperti Sekularisme, Pluralisme dan Liberalisme telah sekian lama menjadi cabaran terhadap akidah umat Islam. Kini perkembangan agnostisme dilihat antara kesan yang signifikan di era pascanormal terhadap akidah ketuhanan. Agnostisme merupakan fahaman yang tidak menyangkal kewujudan tuhan secara mutlak dan beranggapan akal

manusia tidak mampu membuktikan keberadaan tuhan (Saadatul Ashriyah, t.t.). Selain itu mereka meragui dan tidak pasti ada tuhan wujud atau tidak, merasakan mengetahui tuhan wujud atau tidak bukanlah sesuatu yang penting dan menganggap manusia harus memilih kehidupan sesuai dengan keyakinan masing-masing serta tidak terikat dengan mana-mana agama (MAIS, 2015). Hasilnya ajaran agama dan tuhan menjadi sesuatu yang tidak bermakna.

Inilah antara kesan dari gabungan 3C iaitu kerumitan (*complexity*), keberantakan (*cios*) dan pertentangan (*contradiction*) yang menjadikan golongan agnostik ini dibelenggu dengan ketidakpastian dan kejahanan tentang tuhan dan agama. Golongan agnostik (MAIS, 2015) ini bercirikan, seperti:

- i. Mengambil pendirian bertuhan tetapi tidak beragama
- ii. Mempunyai pendidikan, kefahaman dan penghayatan agama yang cetek
- iii. Mempunyai kecenderungan meluaskan pengaruh di kalangan intelektual
- iv. Memiliki sikap narsistik
- v. Mempunyai kecenderungan untuk menjadi dominan
- vi. Mengambil [endirian tidak mengikuti konsensus majoriti
- vii. Menonjol golongan mereka berbeza dengan mempamerkan sudut pandangan kepercayaan agnostisme
- viii. Menolak metafizik
- ix. Memegang kuat pada positivisme dan saintisme
- x. Memiliki kecenderungan pada pemikiran pragmatis dan sekular
- xi. Mengenepikan tradisi

Manakala kesan fahaman agnostik (MAIS, 2015) pula ialah:

- i. Menolak agama dan doktrin agama
- ii. Menerima semua agama sekaligus kerana menganggap semuanya mungkin benar
- iii. Mementingkan diri sendiri kemahuan sendiri dan tidak memiliki tujuan hidup yang jelas
- iv. Menganggap tidak ada sesuatu yang mutlak dalam hidup ini
- v. Mempunyai tanggapan bahawa kebenaran dan kebatilan adalah sesuatu yang relatif serta kebenaran adalah sesuatu yang semata-mata nampak di depan mata
- vi. Mempunyai kecenderungan berpegang pada konsensus yang diterima oleh masyarakat walaupun bertentangan dengan nilai agama serta moral keranan tidak memiliki standard nilai atau moral
- vii. Memberarkan kemungkaran dan kebatilan sekiranya mempunyai alasan yang tepat

Berdasarkan ciri dan kesan Agnostisme dapat dilihat beberapa sudut yang mempunyai signifikan dengan kedudukan artifak era pascanormal yang melibatkan kebenaran, tuhan dan agama.

Jadual 1: Perbandingan antara artifak era pascanormal dengan ciri dan kesan Agnostisme

Artifak era pascanormal	Agnostisme
Kebenaran (Kontradik)	<ul style="list-style-type: none">• Memegang kuat pada positivisme dan sainstisme• Menganggap tidak ada sesuatu yang mutlak dalam kehidupan• Tidak memiliki tujuan hidup yang jelas• Kebenaran dan kebatilan adalah sesuatu yang relative• Berpegang kepada konsensus yang diterima oleh masyarakat walaupun bertentangan dengan nilai-nilai agama serta moral• Tidak memiliki standard nilai atau moral
Tuhan (suatu kejailan, tidak berperanan)	<ul style="list-style-type: none">• Bertuhan tetapi tidak beragama• Bertuhan tetapi tidak dapat dibuktikan ada atau tiada
Agama (tidak pasti, terbuka kepada pelbagai tafsiran)	<ul style="list-style-type: none">• Menolak agama dan doktrin keagamaan• Menerima semua agama sekaligus kerana mengaggap semuanya mungkin benar


Fahaman agistik jika difahami pegangan dan ciri-cirinya adalah sukar untuk mengesan keberadaan mereka. Namun kewujudan mereka menjadi ancaman besar terhadap umat Islam kerana berkembang secara senyap. Oleh itu menjadi tanggungjawab semua pihak untuk mengekang fahaman ini dari menyerap masuk dalam akidah umat Islam terutamanya jenerasi muda dan dalam masa yang sama memulihkan akidah golongan agistik ini. Tindakan yang diambil mestilah dirancang dengan kemas, tersusun dan cekap kerana situasi era pascanormal ini bergerak terlalu pantas tanpa memberi keizinan untuk sesiapa pun berlengah. Sekiranya kerja-kerja fizikal ditempat kerja ada tatakelola pengurusannya, maka tatakelola pengurusan akidah juga perlu diambil perhatian.

Menurut Mohd Radhi (2019), akidah perlu diuruskan supaya ia dapat mencapai matlamat iaitu mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Justeru dikemukakan tatakelola pengurusan akidah berdasarkan ilmu pengurusan moden yang boleh digunakan sama ada oleh individu maupun berbentuk kumpulan. Penulis meringkaskan perbincangan Mohd. Radhi (2019) mengenai pengurusan akidah sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 2.

Tatakelola pengurusan akidah dirangka mengandungi empat peringkat iaitu perancangan, penyusunan, pengaruh dan pengawalan. Berdasarkan kepada perincian bagi setiap peringkat, seorang muslim wajib menjadikan sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan. Justeru dalam melalui era pascanormal ini seorang muslim bukan menongkah arus namun mengikut aliran perjalanan zaman dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah, sumber autentik yang kekal sehingga hari kiamat sebagai dasar, rujukan dan pegangan.

Pengurusan Akidah

(Berasaskan Ilmu Pengurusan moden)



Rajah 2: Pengurusan Akidah

5.0 KESIMPULAN

Era pascanormal membawa cabaran besar terhadap akidah ketuhanan umat Islam. Penyebaran maklumat yang tidak terkawal, pengaruh ideologi sekular, dan perubahan norma sosial menuntut umat Islam untuk lebih berwaspada dan berusaha memperkuuh pemahaman dan penghayatan mereka terhadap konsep ketuhanan. Melalui pendidikan akidah yang holistik, pemikiran kritikal terhadap ideologi semasa, dan penggunaan teknologi dalam dakwah, umat Islam dapat mempertahankan kepercayaan mereka terhadap Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan satu-satunya yang berhak disembah. Dengan ini, umat Islam akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran era pascanormal dengan penuh keyakinan dan keteguhan iman.

Sumbangan Pengarang

Ahmad, S., Abdul Basit, Syed Abu Bakar, S. K. dan Zuber, N. N., kesemua penulis telah terlibat secara menyeluruh dalam setiap peringkat proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, hingga kepada penyuntingan akhir sebelum artikel dihantar kepada penerbit.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Al-Tirmidhi, (1983M/1403H), *Sunan al-Tirmidhi*, Juzuk 3, Bab al-Zuhud, Cet.2, Beirut: Dar al-Fikr
- Hanbal, A. (t.t), Musnad Ahmad bin Hanbal, Jilid 2, Beirut: Maktabah al-Islami
- Hisyam Basabah, (2023). Era Pascanormal dan krisis kebejatan Masyarakat, Kolumnis Astroawani <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-era-pascanormal-dan-krisis-kebejatan-masyarakat-443973>
- Ibrahim, A. (2024), Ucapan Belanjawan 2024, pada 13 Oktober 2024. Dilayari di <https://www.pmo.gov.my/2023/10/teks-ucapan-belanjawan-2024/?highlight=2024>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). Gejala Agnostik; Suatu Ancaman Akidah, Selangor: Majlis Agama Islam Selangor
- Ibrahim, M. R. (2019), *Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Muhammad Ikram Abdul Halim, Berita Online, 10 Februari 2023.
- Nur Shafiqah Baslihisham, (2023), Peranan Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) Dalam Dakwah Akidah Terhadap anak-anak Mualaf: Satu Penelitian. *Jurnal Pengajaran Islam*, 16(2), 153-167
- Saadatul Ashriyah, Atheis Dan Agnostik Dalam Perspektif Agama Islam, Academia, dilayari dari https://www.academia.edu/43053820/ATHEIS_DAN_AGHOSTIK_DALAM_PERSPEKTIF_AGAMA_ISLAM_Saadatul_Ashriyah
- Sardar, Z. (2020), *Space and Time; Postnormal Artefacs in The Postnormal Times Reader*, USA: The International Institute of Islamic Thought (IIIT)
- Sardar, Z. (2021), On the Nature of Time in Postnormal Times, *Journal of Future Studeis*, 25(4), 17-30
- Sardar, Z. (2010), Welcome to postnormal times, Journal homepage: www.elsevier.com/locate/futurer, 435-444
- Usamah Yusuf Rahmat, (2010). *Kiamat Sudah Dekat*, terj; Arifin Ladari, Cet.1, Selangor: Berlin Publications Sdn. Bhd.

Video wawancara

- Eda Suhada Sharudin, Felo Centre For Post Normal Policy and Future Studies dalam Segmen Analisis; Cabaran Era Pascanormal dilayari di <https://www.facebook.com/ikimfm/videos/1142726393359823>